

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 DISEMBER 2022
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4

ECRL, LRT3 dan MRT3 diteruskan



ANTHONY (tengah) bergambar dengan pegawai kanan Kementerian Pengangkutan selepas memulakan tugas di kementerian itu di Putrajaya semalam. – FAISOL MUSTAPA

ECRL, LRT3 dan MRT3 diteruskan

PUTRAJAYA — Kementerian Pengangkutan (MOT) memberi jaminan projek mega dan ber-ska-la besar akan diteruskan.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke berkata, ia membabitkan Projek Laluan Lingkar Transit Aliran Massa 3 (MRT3), Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan Transit Aliran Ringan 3 (LRT3).

Katanya, pendekatan kerajaan sekarang, apa sahaja projek sedang dilaksanakan diteruskan.

“Saya rasa kesemua projek berkenaan telah dimulakan dan tiada masalah untuk kita te-

ruskan,” katanya selepas majlis ramah mesra bersama warga MOT di sini semalam.

Berhubung projek ECRL, beliau berkata, seperti dijanjikan ketika kempen pilihan raya lalu, projek mega itu akan diteruskan dan tidak akan ditangguhkan.

“Projek ini sudah melalui banyak proses rundingan dan kajian semula termasuk perubahan laluan dan stesen. Kita tidak mahu sebarang bentuk penangguhan lagi ke atas projek mega.

“Pojek itu sudah pun dimulakan dan berjalan dengan baik walaupun ada ketikanya kita

tidak berapa setuju dalam beberapa perkara,” katanya.

Ketika ini, kemajuan keseluruhan projek ECRL berada pada sekitar 35.9 peratus.

Projek itu dijangka beroperasi pada Januari 2027 dan ia boleh menampung 5.6 juta penumpang setahun, dengan memuatkan 440 penumpang bagi satu perjalanan membabitkan enam gerabak.

Projek ECRL sepanjang 665 kilometer itu dianggarkan mene- lan belanja RM50.27 bilion membabitkan jajaran empat negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pa- hang dan Selangor.